



مجلس ائمة اسلام سلاڠور
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-5514 3400 FAX : 03-5512 4042
Laman Web : www.mais.gov.my E-mail : mail@mais.gov.my



Rujukan Kami : MAIS.100-9/1/2 (54)
28 April 2023
Tarikh : 7 Syawal 1444H

KENYATAAN MEDIA

MASYARAKAT ISLAM TIDAK PERLU RAGUI ARAH KIBLAT MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR

Merujuk kepada tajuk akhbar Berita Harian bertarikh 24 April 2023 yang menyatakan “40 peratus arah kiblat Lembah Klang tersasar” yang dilaporkan berdasarkan pernyataan daripada Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor (PAFNS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menegaskan tajuk laporan akhbar ini adalah kurang tepat dan tidak menggambarkan perkara sebenar serta telah menimbulkan salah faham dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor.

Pihak MAIS telah meminta penjelasan berhubung perkara ini daripada pihak PAFNS yang diwakili oleh Prof. Dato' Dr Mohd Zambri bin Zainuddin dan Encik Abdul Latip Ibrahim dalam suatu pertemuan yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Pertemuan ini turut dihadiri oleh Y.A.D. Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan Y.A.D Dato' Setia Salehuddin bin Saidin, anggota MAIS.

MAIS menegaskan laporan akhbar tersebut hanya merujuk kepada penentuan arah kiblat rumah kediaman sahaja berdasarkan permohonan khidmat penentuan arah kiblat bagi rumah kediaman yang diterima oleh PAFNS. Laporan tersebut sama sekali tidak berkaitan dengan penentuan arah kiblat masjid dan surau di Negeri Selangor. MAIS selanjutnya menegaskan bahawa arah kiblat masjid dan surau sedia ada di Negeri Selangor telah disemak dan diperakukan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Selain itu, MAIS turut mewajibkan agar penentuan arah kiblat oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor ini dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sesuatu masjid, surau atau *musolla* yang baharu mula beroperasi.

Dalam hal penentuan arah kiblat di Negeri Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor sentiasa memberikan pencerahan dan hebahan dari semasa ke semasa berhubung kaedah penetapan arah kiblat kepada masyarakat sama ada melalui laman web dan media sosial rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor atau program pencerahan yang dilaksanakan. Berdasarkan pencerahan dan hebahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor, penentuan arah kiblat boleh dilaksanakan dengan berpandukan kepada kaedah seperti berikut:

- (i) Semakan arah kiblat ketika berlakunya fenomena matahari tegak di atas Kaabah yang dikenali sebagai *Istiwa' A'dzom* yang berlaku pada setiap 28 Mei dan 16 Julai pada tahun biasa dan pada 27 Mei dan 15 Julai pada tahun lompat;
- (ii) Jadual kedudukan matahari dalam keadaan yang searah dengan Kaabah yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor;
- (iii) Menggunakan aplikasi eFalak Selangor atau apa-apa aplikasi lain yang boleh membantu untuk mengenal pasti arah kiblat yang boleh didapati melalui laman maya atau apa-apa pautan dan dimuat turun dan dipasang pada peranti atau gajet mudah alih; atau
- (iv) Mendapatkan perkhidmatan penentuan arah kiblat daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor atau pihak lain yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam menentukan arah kiblat dan disahkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Penentuan arah kiblat yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor juga adalah selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berhubung dengan Had Berpaling Yang Dibenarkan Daripada Arah Qiblat (*Had al-Tahawwul 'Ani al-Qiblat*), yang menjelaskan bahawa arah mengadap kiblat merupakan perkara *ijtihadi* dan *zanni* dan penentuan had tidak melebihi 3 darjah bagi pesongan *mihrab* yang dibenarkan boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam pembinaan masjid dan surau baharu.

Isu berhubung penentuan arah kiblat ini juga telah mendapat perhatian serius daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Baginda tidak mahu mana-mana pihak termasuk pihak media membuat laporan yang kurang tepat yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat dan mencalarakan imej agama Islam.

Justeru itu, MAIS sekali lagi menegaskan bahawa masyarakat Islam tidak perlu meragui tentang penentuan arah kiblat masjid dan surau di Negeri Selangor. MAIS juga menasihatkan orang ramai agar tidak panik dan keliru dengan tajuk yang dipaparkan dalam laporan akhbar tersebut. Semua pihak adalah diingatkan agar merujuk terus kepada pihak MAIS berhubung dengan pengesahan sesuatu perkara berkaitan pentadbiran agama Islam kecuali yang berkaitan dengan penentuan hukum syarak dan pentadbiran keadilan untuk mengelak sebarang kekeliruan atau salah faham yang boleh mencalarakan imej agama Islam.



YAD TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF
Pengerusi
Majlis Agama Islam Selangor